

LESEN IMPORT (AP) FRANCAIS

A. AP FRANCAIS

AP Francais bermaksud syarikat pemegang AP yang diluluskan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk mengimport kenderaan motor pasang siap (CBU) yang baharu berjenama spesifik dari negara prinsipal/pengeluar di luar negara, berdasarkan kepada garis panduan dan syarat kelulusan semasa yang ditadbir urus oleh MITI.

B. GARIS PANDUAN

1. Syarikat AP Francais hendaklah mempunyai perjanjian francais eksklusif yang sah dengan:
 - (i) Syarikat prinsipal; ATAU
 - (ii) Subsidiari kepada syarikat prinsipal tertakluk kepada syarat berikut:
 - a. Sekurang-kurangnya 51% daripada saham-saham syarikat subsidiari dimiliki oleh syarikat prinsipal; dan
 - b. Subsidiari kepada syarikat prinsipal hendaklah menjalankan aktiviti pengilangan bagi pihak syarikat prinsipal.
2. Sekurang-kurangnya 70% saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera.
3. Modal berbayar syarikat hendaklah sekurang-kurangnya RM1 juta.
4. Syarikat hanya dibenarkan mengimport kenderaan penumpang baharu dalam bentuk CBU, yang mana, pengimportan dibuat secara terus dari syarikat prinsipal ATAU kilang syarikat prinsipal di luar negara seperti yang ditetapkan dalam perjanjian francais.
5. Pengambilan alih hak francais daripada syarikat sedia ada dibenarkan.
6. Import dibenarkan berdasarkan kepada perancangan import tahunan syarikat yang telah dipersetujui dengan syarikat prinsipal.
7. Syarikat layak memohon penguatkuasaan sekatan import. Permohonan sekatan import kenderaan CBU kategori baharu sesuatu jenama boleh dipertimbangkan sekiranya:
 - (i) Perjanjian francais bersifat eksklusif;
 - (ii) Sekatan jenama adalah berdasarkan kepada permohonan syarikat pemegang AP Francais; dan
 - (iii) Pelaburan tinggi yang dibuat syarikat untuk mendapatkan hak francais dan menyediakan perkhidmatan selepas jualan.

8. Pelaksanaan sekatan import tidak akan membolehkan syarikat-syarikat AP Terbuka mengimport kenderaan CBU kategori baharu jenama yang dikenakan sekatan import, yang mana, hak eksklusif bagi mengimport kenderaan CBU baharu jenama tersebut dipegang oleh syarikat AP Francais yang telah dilantik oleh MITI.

C. SYARAT KELULUSAN YANG PERLU DIPATUHI

Syarat-syarat kelulusan AP Francais yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang telah dilantik oleh MITI adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat mengekalkan sekurang-kurangnya 70 peratus pegangan ekuiti Bumiputera;
- (ii) Sebarang perubahan pegangan ekuiti dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) hendaklah mendapat kelulusan Kementerian ini terlebih dahulu;
- (iii) Kenderaan yang dibenarkan diimport:

a. Kereta

- Kereta Internal Combustion Engine (ICE)
 - * Kereta penumpang berkapasiti enjin melebihi 1,800 cc;
 - * Harga jualan kereta atas jalan (*on the road* - OTR) hendaklah melebihi RM250,000 seunit;
(*Tertakluk kepada jenama kenderaan baharu yang tidak pernah diluluskan di bawah mana-mana syarikat AP Francais sebelum ini)
 - Kereta penumpang yang tidak berpotensi memberi saingan dan menjejaskan pasaran kenderaan pemasangan tempatan (kereta yang telah dipasang tempatan); dan
 - Bukan kenderaan *tuned-up*.
- Kereta Elektrik (EV)
 - * Kereta penumpang dengan had kuasa motor minimum 200 kW sahaja;
 - * Harga jualan kereta atas jalan (*on the road* – OTR) hendaklah melebihi RM250,000 seunit; dan
(*Tertakluk kepada jenama kenderaan baharu yang tidak pernah diluluskan di bawah mana-mana syarikat AP Francais sebelum ini)
 - Model kereta elektrik (EV) yang hendak diimport perlu mempunyai pensijilan UNR100 versi 3 dan MS ISO:17840 – Road vehicles – Information for first and second responders.

b. **Motosikal**

- Motosikal ICE
 - Motosikal penumpang berkapasiti enjin 250cc dan ke atas sahaja; dan
 - Motosikal penumpang yang tidak berpotensi memberi saingan dan menjejaskan pasaran kenderaan pemasangan tempatan (motosikal yang telah dipasang tempatan).
 - Motosikal Elektrik (EV)
 - Tidak tertakluk kepada syarat had kuasa motor;
 - Harga jualan atas jalan (OTR) hendaklah tidak kurang dari RM12,000; dan
 - Model motosikal elektrik (EV) yang hendak diimport perlu mempunyai pensijilan UNR136 atau MS 2413.
- (iv) Model kenderaan elektrik (EV) yang telah diluluskan terdahulu kepada syarikat AP Francais bermula 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2025 adalah tertakluk kepada syarat semasa lantikan termasuk had harga (OTR) minimum sebanyak RM100,000 untuk kenderaan penumpang;
- (v) Syarikat mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit terkini sebelum peruntukan AP tahunan dikeluarkan kepada syarikat;
- (vi) Sekiranya hak sebagai pemegang francais dibatalkan, peruntukan AP juga akan dibatalkan tanpa menggantikannya dengan kenderaan jenis lain;
- (vii) Syarikat yang dilantik bagi beberapa jenama hendaklah memaklumkan Kementerian ini mengenai penamatan perjanjian bagi jenama tertentu dengan syarikat prinsipal dan sebarang perubahan kepada perjanjian berkenaan;
- (viii) Pengimportan hendaklah dibuat secara terus dari syarikat prinsipal dan dari negara seperti yang ditetapkan dalam perjanjian dan bagi model yang belum dipasang di Malaysia;
- (ix) Pengimportan dari negara selain negara syarikat prinsipal perlu dinyatakan dalam perjanjian sedia ada atau menerusi addendum kepada perjanjian sedia ada dengan syarikat prinsipal;
- (x) Pengimportan dari negara ASEAN adalah tertakluk kepada pematuhan syarat tempasal sekurang-kurangnya 40 peratus bahan mentah tempatan/serantau di bawah skim *ASEAN Trade In Goods Agreement (ATIGA)*;

(xi) Kenderaan yang dibenarkan import adalah:

- Kenderaan baharu (CBU) pembuatan pada tahun semasa peruntukan AP; dan
- Kenderaan baharu (CBU) pembuatan pada penggal kedua tahun sebelumnya (Julai hingga Disember).*

* Nota: Tahun sebelumnya adalah merujuk kepada 6 bulan sebelum tahun semasa peruntukan AP.

(xii) Syarikat AP perlu memaklumkan mengenai tahun pembuatan sebenar kenderaan kepada pembeli;

(xiii) Semua pesanan kenderaan hendaklah dibuat pada tahun pembuatan kenderaan;

(xiv) Semua pengimportan kenderaan perlu diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

- Kenderaan buatan tahun semasa peruntukan AP: Sebelum 31 Disember tahun semasa; dan
- Kenderaan buatan pada penggal kedua tahun sebelumnya: Selewat-lewatnya pada 30 Jun tahun semasa. (Tiada tempoh lanjutan AP yang akan diluluskan kepada syarikat dan akan menggunakan peruntukan AP tahun semasa.)

(xv) Syarikat hendaklah menyediakan, mengekalkan kemudahan ruang pejabat dan bilik pameran milik syarikat sepenuhnya (sekurang-kurangnya satu (1) premis) serta perlu menjalankan penjualan kenderaan secara sendiri di premis milik syarikat;

(xvi) AP (Borang JK69) yang telah diluluskan oleh MITI secara *online* hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kenderaan tiba di pelabuhan;

(xvii) Semua peruntukan AP hendaklah digunakan pada tahun semasa iaitu sebelum 31 Disember atau tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh MITI;

(xviii) Semua urusan pengimportan hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa sah laku AP (6 bulan) atau sebelum 31 Disember;

(xix) Maklumat yang dinyatakan di dalam dokumen sokongan pengimportan seperti *invois*, *Bill of Lading* dan *Certificate of Origin/Form D* (untuk pengimportan dari ASEAN) hendaklah sama dengan maklumat AP;

(xx) Maklumat nombor enjin/motor perlu diisi di dalam sistem ePermit bagi pengimportan kereta elektrik (EV) sahaja berkuatkuasa 1 Januari 2026; dan

(xxi) Tarikh *Bill of Lading* tidak melebihi satu (1) bulan daripada tarikh syarikat mengemukakan permohonan di MITI.

Dikemaskini : Disember 2025